



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester 2, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus : SC 0306**

**Nama Kursus : Undang-Undang Jenayah Syariah**

**Peringkat Kursus : Sijil**

**Masa : 3 jam**

#### **Nota :**

Jawab kesemua soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **Soalan Pertama (5 markah)**

Undang-undang Jenayah Syariah bolehlah diertikan sebagai sekumpulan peraturan dan hukum yang berkaitan dengan pelbagai tindak laku menceroboh nyawa, harta, tubuh badan , keturunan, ugama dan apa saja perbuatan meninggalkan perintah Allah. Ia juga boleh diertikan sebagai kesalahan yang didakwa di bawah kes jinayah syar'iyyah yang apabila sabit kesalahan oleh mahkamah wajib dikenakan hukuman hudud atau qisas atau diyat atau ta'zir.

- a) Huraikan apakah objektif Undang-undang jenayah Syariah.

(3 markah)

- b) Jelaskan apakah kedudukan undang-undang jenayah Syariah bagi seorang Islam

(2 markah)

### **Soalan Kedua (10 markah)**

- a) Jumhur ahli perundangan Islam, berpendapat bahawa sabitan jenayah irtidad (berpaling tadaah dari Islam) boleh dibuat melalui:

- i.Pengakuan, kesaksian atau syahadah empat orang saksi dan sumpah mardud
- ii.Pengakuan, kesaksian atau syahadah empat orang saksi
- iii.Pengakuan dan kesaksian dua orang saksi
- iv.Pengakuan dan sumpah

( 2 markah)

- b) Menurut kaedah asal seseorang yang murtad tidak boleh dihukum sehingga ianya dianjurkan untuk bertaubat (*istitabah*). Majoriti ulama memberikan tempuh \_\_\_\_\_ untuk bertaubat.
- 105 hari
  - 3 hari
  - Setahun sahaja
  - Tiada batasan hari.
- c) Baca kenyataan-kenyataan berikut dan nyatakan sama ada *sariqah* atau curi yang dilakukan tergolong dalam kategori *sariqah* yang patut dihukum dengan hukuman *hadd sariqah* iaitu potong tangan. Pencurian dilakukan oleh orang yang berugama islam, berakal, baligh, dengan niat dan kesemua benda yang dicuri adalah cukup nisabnya.
- Seseorang mencuri barang-barang kemas dari sebuah kedai emas di the Mall Gadong. Pencurian berlaku pada jam 12 tengahmalam.  
(1 markah)
  - Sepasang suami isteri mencuri beberapa ekor anak kambing boer dari kandang kambing yang terkunci di ladang milik Tuan Haji Lakim. Kecurian berlaku pada waktu Maghrib ketika para pekerja di ladang telah pulang.  
(1 markah)
  - Suwanto mencuri sebuah lukisan karya Michelangelo dari rumah jirannya yang bertutup rapat sewaktu jirannya itu bercuti di luar negara.  
(1 markah)

- d) Berikut adalah definisi Sariqah (curi) menurut 4mpat mazhab ahli sunnah wal jama'ah. Yang mana satukah definisi yang diutarakan oleh Mazhab Syafi'i.
- i. Pengambilan harta org lain secara sembunyi-sembunyi di tempat penyimpanan dengan maksud untuk memiliki, yang dilakukan dengan sedar serta memenuhi syarat-syarat tertentu.
  - ii. Pengambilan harta org lain secara sembunyi-sembunyi tanpa ia (harta itu) diamanahkan kepadanya.
  - iii. Perbuatan seorang mukallaf mengambil secara diam-diam harta org lain (dgn kadar 10 dirham) dari tempat simpanan atau jagaan tanpa syubhah.
  - iv. Pengambilan harta org lain yang mencapai nisab secara sembunyi-sembunyi dari simpanan pemiliknya atau wakilnya tanpa ada syubhah.

(3 markah)

**Soalan Ketiga (10 markah)**

- a) Setelah empat bulan bernikah, barulah diketahui dengan pasti bahawa Amin seorang warga negara Jepun dan Aminah seorang warga negara Malaysia sebetulnya adalah adik beradik sebapa. Mereka tidak mengetahui perkara ini kerana ayah mereka meninggal dunia sewaktu mereka masih kecil. Dalam tempoh empat bulan perkahwinan mereka itu, kedua-duanya seringkali melakukan persetubuhan. Bolehkah Amin dan Aminah dituduh telah melakukan zina? Jawapan hendaklah dibuat dengan hujjah.
- (3 markah)
- b) Pihak mahkamah kemudiannya mengambil tindakan memfasakhkan perkahwinan mereka dan memerintahkan Aminah melalui masa 'eddahnya

selama 3 Quru. Masa 'eddah telah berlalu. Meskipun perkahwinan mereka difasakhkan kedua-duanya masih tinggal serumah. Setelah tiga tahun pernikahan mereka difasakhkan, Aminah disahkan hamil. Bolehkah kehamilan Aminah dijadikan bukti bahawa mereka telah melakukan zina? Jelaskan.

(3 markah)

- c) Abdullah Baskaran seorang muallaf berbangsa India berumur 50 tahun dan baru memeluk ugama Islam pada bulan September 2015 dituduh melakukan zina dengan Minati seorang India berugama Hindu. Walaupun mengakui telah melakukan persetubuhan, Abdullah mengaku tidak bersalah kerana dia dan Minati adalah suami isteri. Dia menegaskan bahawa dia telah mengahwini Minati sejak tahun 2005 dalam upacara perkahwinan . Adakah pertuduhan zina boleh dteruskan? Jawapan hendaklah disertai dengan menyatakan elemen jenayah.

(4 markah)

#### **Soalan Keempat (10 markah)**

- a) Jumhur ahli perundangan Islam, berpendapat bahawa sabitan jenayah irtidad (berpaling tada dari Islam) boleh dibuat melalui:
- i. Pengakuan, kesaksian atau syahadah empat orang saksi dan sumpah mardud
  - ii. Pengakuan, kesaksian atau syahadah empat orang saksi
  - iii. Pengakuan dan kesaksian dua orang saksi
  - iv. Pengakuan dan sumpah

(1 markah)

- b) Berikut adalah definisi Sariqah (curi) menurut 4mpat mazhab ahli sunnah wal jama'ah. Yang mana satukah definisi yang diutarakan oleh Mazhab Syafi'i.
- i. Pengambilan harta org lain secara sembunyi-sembunyi di tempat penyimpanan dengan maksud untuk memiliki, yang dilakukan dengan sedar serta memenuhi syarat-syarat tertentu.
  - ii. Pengambilan harta org lain secara sembunyi-sembunyi tanpa ia (harta itu) diamanahkan kepadanya.
  - iii. Perbuatan seorang mukallaf mengambil secara diam-diam harta org lain (dgn kadar 10 dirham) dari tempat simpanan atau jagaan tanpa syubhah.
  - iv. Pengambilan harta org lain yang mencapai nisab secara sembunyi-sembunyi dari simpanan pemiliknya atau wakilnya tanpa ada syubhah.
- (2 markah)
- c) Menurut kaedah asal seseorang yang murtad tidak boleh dihukum sehingga ianya dianjurkan untuk bertaubat (*istitabah*). Majoriti ulama memberikan tempuh \_\_\_\_\_ untuk bertaubat.
- i. 105 hari
  - ii. 3 hari
  - iii. Setahun sahaja
  - iv. Tiada batasan hari.
- (1 markah)

- d) Baca kenyataan-kenyataan berikut dan nyatakan sama ada *sariqah* atau curi yang dilakukan tergolong dalam kategori *sariqah* yang patut dihukum dengan hukuman *hadd sariqah* iaitu potong tangan. Pencurian dilakukan oleh orang yang berugama islam, berakal, baligh, dengan niat dan kesemua benda yang dicuri adalah cukup nisabnya.
- i. Seseorang mencuri barang-barang kemas dari sebuah kedai emas di the Mall Gadong. Pencurian berlaku pada jam 12 tengah malam.  
(2 markah)
- ii. Sepasang suami isteri mencuri beberapa ekor anak kambing boer dari kandang kambing yang terkunci di ladang milik Tuan Haji Lakim. Kecurian berlaku pada waktu Maghrib ketika para pekerja di ladang telah pulang.  
(2 markah)
- iii. Suwanto mencuri sebuah lukisan karya Michelangelo dari rumah jirannya yang bertutup rapat sewaktu jirannya itu bercuti di luar negara.  
(2 markah)

**Soalan Keempat (15 markah)**

Awang Ahmad dan Awang Ali adalah dua ahli politik yang saling bermusuhan. Mereka saling melemparkan pelbagai tuduhan antara satu sama lain. Ketika seorang pemberita menemu ramah Awang Ali di pejabatnya, bertanya sama ada Ali ikut menyokong rancangan untuk

mebina lebuh raya yang melalui kawasan tадahan hujan di Temburong sebagaimana yang dicadangkan oleh Awang Ahmad, Awang Ali mengatakan: Saya tidak akan menyokong sebarang projek yang dicadangkan oleh anak luar nikah.

- a) Nyatakan adakah Awang Ali dapat dikenai dakwaan telah melakukan qazaf kepada Awang Ahmad? Jawapan hendaklah disertai dengan huraian tentang syarat-syarat *Qazif* (penuduh.)

(8 markah)

- b) Seorang suami menuduh isterinya berzina dan dia tidak dapat mendatangkan 4 orang syahid. Apakah yang perlu dilakukannya bagi mengelakkan dirinya dari didakwa dengan tuduhan qazaf? Jawapan hendaklah disertai dengan dalil.

(7 markah)

#### Soalan Kelima (10 markah)

Ayat berikut adalah dasar hukum bagi jarimah *al-Baghy*

وَإِنْ طَائِقَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ افْتَنَلُوا فَأَصْنِلُهُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى  
فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْنِلُهُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ  
وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

“Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka

damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

Al-Hujuraat ayat

- a) Berikan definisi *al-Baghy* kemudian senaraikan eleman jenayah *al-Baghy* (5 markah)
- b) Jelaskan hukuman bagi jenayah *al-Baghy* sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Qadir 'Awdah.  
(5 markah)

بالتوفيق والنجاح